

BAB 3

KEMUNCULAN SEORANG REFORMIS BERJIWA PATRIOTIK

Pembelajaran Li Dazhao di Universiti Waseda tidak sentiasa tenteram dengan pengajian ekonomi politiknya. Dengan perkembangan semasa dalam negara yang semakin bergolak rancak, beliau telah banyak menumpukan perhatian dan menyumbangkan tenaga dalam gerakan-gerakan patriotik baik di dalam negara China maupun di Jepun. Selain melibatkan diri secara langsung dalam gerakan tersebut, Li juga banyak mengemukakan pandangannya yang sarat dengan cadangan-cadangan reformasi yang berasaskan semangat patriotisme. Di samping pengajian akademiknya, hidup Li Dazhao tidak terkecuali daripada seruan zaman untuk menyelamatkan tanahairnya yang dikepung oleh masalah dalaman dan desakan luaran.

3.1 Tindakan menentang “21 Permintaan”

Masalah dan desakan untuk “menyelamatkan negara” semakin hari semakin mendesakkan hati orang China, khususnya golongan intelektual semenjak Perang Sino-Jepun 1894-1895. Revolusi 1911 telah berjaya menggulingkan pemerintahan monarki mutlak dinasti Qing, tetapi tidak berupaya untuk menjanakan semula kekuatan negara lantas menebus kembali maruah bangsa daripada penghinaan imperialis asing. Para intelektual China berkesedaran kuat akan perjuangan dan cabaran yang perlu diharungi oleh negara mereka di bawah ancaman demi ancaman asing, terutamanya Jepun. Penghinaan dan

penindasan yang dibawa daripada “21 Permintaan” oleh Jepun telah menguatkan kesedaran tersebut.

Kejadian itu berlaku pada 18 Januari 1915, dalam satu malam yang gelap dan sejuk. Hioki Eki, menteri Jepun yang diutuskan khas ke China, dengan tidak menerusi prosedur diplomatik yang normal telah mengemukakan sebuah dokumen yang ditulis di atas beberapa helai kertas tera air yang dicetak dengan ilustrasi kapal perang dan senapang kepada Presiden Republik China, Yuan Shikai dalam satu pertemuan peribadi. Pada helaian kertas itulah tercatatnya “21 Permintaan” yang sentiasa mendapat nama buruk.¹ Tindakan Jepun mengemukakan “21 Permintaan” secara terus kepada Presiden Yuan Shikai, tanpa melalui pihak jabatan diplomatik kerajaan China adalah untuk meraih keuntungan besar daripada China. Syarat-syarat “21 Permintaan” tersebut, antaranya menuntut Manchuria, Mongolia Dalam, Shandong, persisiran pantai di kawasan tenggara China, dan Lembah Sungai Changjiang (Yangtze). Sekiranya “permintaan” itu diterima, kesannya adalah penjajahan Jepun ke atas seluruh kawasan berkenaan, dan penguasaan ekonomi serta pentadbiran ke atas seluruh negara China oleh Jepun.² Pada hakikatnya, penghinaan ke atas maruah bangsa China menerusi penyerahan dokumen itu adalah jauh lebih besar daripada kerugian-kerugian yang akan dibawa oleh permintaan-permintaan tersebut, mahupun ancaman senjata api secara kekerasan. Kegeraman rakyat jelata China telah dibangkitkan. Sentimen anti-Jepun semakin memuncak di merata tempat di China, malahan di kalangan penuntut China di seberang laut.

Pada 11 Februari 1915, lebih tiga ribu orang pelajar China telah mengadakan perhimpunan di Tokyo. Perhimpunan tersebut telah membawa kepada penubuhan Persatuan Penuntut-penuntut China di Jepun.³ Li Dazhao turut menyertai perjuangan menentang “21 Permintaan” itu, dan diamanahkan untuk menulis surat seruan, “Surat mengamarkan rakyat

¹ Ini menurut catatan Chow Tse-tsung (Zhou Cezong) yang telah menyatakan bahawa, pemilihan kertas tera air yang istimewa itu bukan secara tidak sengaja, tetapi mempunyai maksud tersirat yang ingin memberi amaran kepada China. Sila rujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China* (Cambridge, Massachusetts: Harvard University Press, 1960), hlm 20.

² Ibid..

³ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao) (Shandong: Shandong Renmin Chubanshe, 1998), hlm 114.

seluruh negara” (*Jinggao quanguo fulao shu*). Beliau memberi amaran kepada bangsa serumpunnya bahawa kehendak Jepun itu boleh menjahanamkan China, serta menghapuskan segala harapan rakyat dan mencabul kedaulatan China.

Surat tersebut dengan lantas distensil dan diedarkan di kalangan penuntut-penuntut China, serta disebarluaskan kembali ke tanahair. Dengan sentuhan pena yang penuh dengan sentimen nasionalisme, Li Dazhao merakamkan hakikat pedih yang menimpa nusa dan bangsanya:

Pelajar yang menuntut di Jepun, terbelenggu di rantau asing, hanya mampu sekadar kegeraman apabila merenung kembali tanah besar China. Memandangkan keadaan sudah sampai peringkat di mana negara terhancur dan rakyat terkorban, sudah tidak perlu keimbangan atau keseganan, biarlah tabahkan hati berjuang bermati-matian. Sekiranya sesuatu yang tidak diingini menimpa, dan mendesak kita sehingga kebuntuan, maka haruslah kita bersama-sama empat ratus juta adik-beradik serumpun sebangsa, menyemarakkan lagi lembaran terakhir dalam sejarah gemilang warisan nenek moyang kita, dengan darah dan hati suci kita.⁴

Li Dazhao dalam menggalurkan sejarah pahit China sepanjang dua puluh tahun selepas Perang Sino-Jepun telah mengatakan bahawa, China sudah sekian lama berada dalam keadaan “menanti keruntuhan”, namun keseimbangan kuasa yang diregangkan di antara kuasa-kuasa imperialis dalam proses imperialisasi telah mengekalkan kedudukan kedaulatan China.⁵ Sungguhpun minat kuasa-kuasa asing terhadap wilayah-wilayah di China semakin bertambah, namun asas perseimbangan kuasa tersebut belum berubah. Dengan itu, Li Dazhao melanjutkan hujahnya bahawa, perseimbangan kuasa itu yang mengheret China ke tebing kehancuran; perseimbangan kuasa itulah yang juga menangguhkan kehancuran China; dan perseimbangan kuasa itu yang turut mendesak China ke arah kehancuran yang semestinya.⁶

Beliau telah mempertimbangkan perseimbangan kuasa di antara imperialis-imperialis asing dalam arena antarabangsa dan di atas tanah besar China. Li Dazhao telah memberi

⁴ “*Jinggao quanguo fulao shu*” (Surat mengamarkan rakyat seluruh negara), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 323.

⁵ Ibid..

⁶ Ibid., hlm 325.

amaran, atau dengan kata yang lebih tepat, menghuraikan faktor yang sebenar dalam krisis kehancuran China. Beliau mengatakan bahawa:

Jepun cuma sebuah pulau kecil yang kekurangan sumber, tidak berkemampuan untuk menghancurkan China sebenarnya. Sekiranya warga China tidak rela dengan akibat yang menjahanamkan, ternyata China tetap tidak hancur. Tetapi sekiranya warganya rela menerima kehancurannya, maka China akan tumbang dengan sendirinya dalam erti kata yang sebenar, tanpa campur tangan Jepun.⁷

Hasrat tujuan sebenar penulisan surat tersebut, adalah untuk mengingatkan warga China tentang krisis keruntuhan bangsa China dan menaikkan semangat seluruh rakyatnya. Li Dazhao menyeru agar seluruh rakyat bergembang tenaga untuk memikul sendiri tanggungjawab menyelamatkan negara. Beliau mengingatkan bahawa:

Rakyat China perlu sedar terlebih dahulu akan realiti bahawa China dimiliki oleh empat ratus juta orang warganya. Sekiranya rakyat sejumlah empat ratus juta orang itu tidak rela untuk menerima kehancurannya, maka tidak ada sebarang seteru kuat yang dapat menghancurkan negara itu sebelum rakyat sejumlah empat ratus juta orang itu terkorban. Sekiranya sesbuah kuasa itu ingin meruntuhkan China, maka perlu mengorbankan diri bersama-sama dengan China.⁸

Li Dazhao yakin bahawa dengan penggembangan tenaga yang padu daripada seluruh warganegara, China dapat diselamatkan daripada ancaman asing. Sekiranya gagal membela tanahair pada akhirnya, mereka tetap dapat memiliki nama baik apabila berhadapan dengan sejarah cemerlang yang diwarisi daripada nenek moyang mereka.⁹ Bagi Li Dazhao, pencerobohan Jepun telah mengheret kepada hidup matinya bangsa mereka, rakyat China perlu menguatkan azam untuk menegah sebarang pencerobohan yang mungkin. Dengan kata-katanya yang agresif dan radikal, Li Dazhao dengan nyata bertujuan menyemarakkan sentimen rakyat untuk menentang tindakan pencabulan maruah bangsa China oleh Jepun.

Dalam penghujung seruan tersebut, Li Dazhao sekali lagi dengan tegas mengajak seluruh rakyat menentang “21 Permintaan” yang tidak adil itu, dengan mengingatkan orang ramai agar tidak melupakan penghinaan besar itu dan menegakkan maruah bangsa. Lantaran

⁷ Ibid., hlm 331.

⁸ Ibid., hlm 332.

⁹ Ibid., hlm 333.

itu, satu tindakan boikot besar-besaran ke atas barang Jepun sebagai protes terhadap “21 Permintaan” yang tersebar luas ke bandar-bandar utama di China serta oleh orang China seberang laut di San Francisco telah dilancarkan dari bulan Mac hingga ke akhir tahun 1915.¹⁰

Namun, di tengah-tengah jeritan Li Dazhao agar seluruh warga China menggembung tenaga untuk bersatu menentang penghinaan asing, kerajaan Republik China menghampaskan seluruh warganya. Pada 7 Mei 1915, Jepun mengemukakan sebuah ultimatum kepada China untuk meminta China menerima permintaan- permintaan tersebut tanpa sebarang pindaan. Kerajaan Yuan Shikai di bawah tekanan tentera Jepun yang dikirimkan ke China selepas “21 Permintaan” dikemukakan, telah menerima semua syarat yang terkandung di dalam ultimatum Jepun tersebut pada 9 Mei. Rundingan mengenai “21 Permintaan” di antara China dan Jepun yang memakan masa empat bulan, akhirnya mencapai kata sepakat di antara kedua-dua pihak dan termeterai pada 25 Mei 1915.¹¹

Li Dazhao sedar bahawa keadaan tidak dapat dipulihkan, tetapi penghinaan nasional itu tidak boleh dilupai. Beliau telah menggalurkan semula seluruh peristiwa semenjak penaklukan Jepun di Shandong hingga penerimaan syarat-syarat “21 permintaan” secara paksaan, dalam penulisannya, “Pengasahan ketabahan warganegara” (*Guomin zhi xindan*) dengan pucuk penulisan yang penuh dengan semangat patriotisme.

Menurut pandangan Li Dazhao, penerimaan “21 Permintaan” oleh kerajaan pimpinan Yuan Shikai merupakan akibat daripada paksaan kerajaan Jepun. Jepun dalam pertembungan tersebut telah meragut hak kepentingan yang banyak daripada China dengan mudah sekali melalui sepucuk surat ugutan sahaja. Perolehan Jepun sememangnya lumayan. Tetapi bagi China pula, bukan sahaja kehilangan hak-hak kepentingan yang ada sekarang, tetapi juga menanam akar kemalangan pada masa akan datang. Punca asasnya semata-mata disebabkan keadaan yang lemah lumpuh dalam kekuatan nasional negara. Li Dazhao sedar

¹⁰ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 23-24.

¹¹ Ibid., hlm 20-21.

bahawa, “percaturan diplomatik bagi negara yang lemah, semestinya tidak ada sebab yang dapat mengelakkan kegagalan”.¹² Dalam persoalan tersebut, Li Dazhao tidak berhasrat menyalahkan kerajaan, tetapi menyeru kerajaan agar mengkaji semula kelemahan diri dan memotivasi rakyat umum untuk terus berusaha. Beliau masih menaruh harapan agar wujudnya kerjasama antara kerajaan dengan rakyat jelata untuk bersama-sama menentang pencerobohan asing.¹³

Dalam penghujung rencana itu, Li Dazhao mengajak seluruh bangsanya untuk membangkit semula dengan sentiasa mengasah ketabahan diri dan bersiap sedia. Li mengibaratkan keadaan terhina pada masa itu sebagai tumparan gelombang yang kecil, tetapi masa keemasan untuk memakmurkan negara. Justeru itu, beliau bertindak menguatkan azam rakyat agar tidak berputus asa, dan percaya bahawa bangsanya tidak akan runtuh begitu sahaja dengan adanya ketabahan dan keteguhan rakyat.¹⁴

Profesor Chow Tse-tsung (Zhou Cezong) telah menggariskan impak “21 Permintaan” tersebut sebagai kuasa pendorong utama yang telah menjanakan kedinamikan pencetusan Gerakan Empat Mei pada hari kemudiannya kerana peristiwa tersebut telah membawakan rasa terhina, dan menimbulkan keprihatinan terhadap masalah-masalah asas China di kalangan intelektual China yang aktif, khususnya pelajar yang telah atau masih menuntut di seberang laut.¹⁵ Kebenaran tersebut juga dapat digambarkan menerusi tindakan dan penulisan Li Dazhao dalam tempoh terbabit. Namun, sentimen patriotik dan anti-imperialisme yang ditunjukkan oleh Li Dazhao itu, tidak boleh disamakan dengan kecenderungan para pelopor China dalam menentang imperialis asing yang berpegang teguh terhadap pemuliharaan nilai-nilai pemikiran dan kebudayaan tradisional China.¹⁶

¹² “Guomin zhi xindan” (Pengasahan ketabahan warganegara), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 304.

¹³ Ibid..

¹⁴ Ibid., hlm 308.

¹⁵ Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 19-25.

¹⁶ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism* (Cambridge: Harvard University Press, 1967), hlm 19.

Dalam perkembangan keintelektualan Li Dazhao, khususnya sepanjang penjelajahannya di Jepun, telah memperlihatkan ketaatannya yang ditujukan ke atas China sebagai satu negara dan satu bangsa era moden, dan bukannya nilai dan pegangan hidup zaman lampau. Tunas-tunas nasionalisme yang bercambah dalam diri Li Dazhao tidak banyak membawa dilema dan konflik kepada beliau sepanjang perkembangan keintelektualannya. Justeru itu, di samping menentang hebat kuasa asing, Li juga dapat mengkritik keras tradisi lama yang tidak relevan dengan kemandirian dan pembaharuan China sebagai sebuah negara-bangsa moden dengan janaan komitmen nasionalismenya. Penulisan “Surat mengamarkan rakyat seluruh negara” dan “Pengasahan ketabahan warganegara” telah memaparkan komitmen dan responsibiliti Li Dazhao terhadap masyarakatnya, serta menunjukkan kekecewaannya terhadap perkembangan di China.¹⁷ Walau bagaimanapun, ciri-ciri reformis demokratik yang berlandaskan semangat patriotisme dan nasionalisme jelas terpapar pada Li Dazhao yang berharapan agar masyarakatnya dapat berbuat sesuatu untuk menyelamatkan keadaan yang tenat di atas tanahairnya.

3.2 “Kesedaran diri” dan pertemuan awal dengan Chen Duxiu

Dalam usaha meneroka jalan menyelamatkan negara, Li Dazhao bertemu dengan seorang sahabat seperjuangan, Chen Duxiu (1879-1942) yang kemudiannya telah sama-sama memberi sumbangan dalam pengasasan PKC. Barangkali pertemuan awal kedua-dua pengasas PKC itu hanya menerusi mata pena, di mana Li Dazhao telah menulis sebuah

¹⁷ Ibid.. Maurice Meisner berpendapat bahawa, Li Dazhao menyentuh tentang contoh dilema orang Yahudi untuk mencerangkan kepahitan kehilangan negara di atas tangan kuasa asing, bukannya contoh yang relevan, tetapi dengan jelas dapat mengambarkan rasa putus asanya.

rencana sebagai maklum balas terhadap penulisan Chen Duxiu yang sama-sama disiarkan di *Majalah Harimau*, sungguhpun mereka berdua adalah berada di Tokyo pada ketika itu.¹⁸

Pada Julai 1914, Chen Duxiu yang berada dalam perantauan melarikan diri daripada serbuan pihak Yuan Shikai, telah menerima undangan Zhang Shizhao untuk membantu dalam kerja editorial *Majalah Harimau*. Dalam keluaran bulan November majalah itu, telah menyiaran rencana Chen Duxiu, “Perasaan patriotisme dan kesedaran diri” (*Aiguoxin yu zijuexin*).

Chen Duxiu mengatakan bahawa, jika warga negara tidak mempunyai perasaan patriotik, negaranya akan runtuh. Jikalau warga negara tidak mempunyai kesedaran diri, negaranya akan tumbang juga. Namun, beliau berpendapat bahawa, semangat patriotik yang membawa tuli bukannya tindakan cintakan negara, tetapi menjelaskan negara sebaliknya. Dengan itu, dapat dilihat bahawa inisiatif kesedaran diri menjadi lebih penting bagi rakyat jelata untuk mengambil berat terhadap perubahan keadaan sosio-politik negara, agar bertindak positif ke atas pembangunan negara. Beliau telah perhatikan bahawa, masalah China bukan sahaja diakibatkan oleh kerajaannya, tetapi juga disebabkan warga negaranya tidak mempunyai kebijaksanaan yang cukup untuk memikul tanggungjawab membangunkan negara dalam kurun keduapuluh.¹⁹

Chen Duxiu yang berumur sepuluh tahun lebih tua daripada Li Dazhao telah menyertai kegiatan badan-badan revolusionaris sejak sebelum Revolusi 1911 lagi, serta menulis banyak rencana yang menggalakkan semangat cintakan negara dan menyelamatkan negara. Namun, beliau berasa kecewa akan perkembangan negara selepas Revolusi 1911, lantaran suatu perasaan yang pesimisme tertimbul dalam penulisannya yang telah membayangkan suatu penyelarasian ke atas pendiriannya terhadap Republik China.

¹⁸ Tiada bukti yang menyatakan bahawa kedua-dua Li Dazhao dan Chen Duxiu pernah bertemu di Tokyo di sekitar tahun 1914-1915. Untuk keterangan lanjut, sila rujuk Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), bahagian nota kaki, hlm 123.

¹⁹ Sila rujuk Chen Duxiu, “Aiguoxin yu zijuexin” (Perasaan patriotisme dan kesedaran diri), *Chen Duxiu Zhuzuo Xuan* (Pilihan Penulisan Chen Duxiu), Jilid 1 (Shanghai: Shanghai Renmin Chubanshe, 1993), hlm 113-119.

Sememangnya, perasaan yang kecewa dan pesimistik telah merupakan suatu sentimen yang umum di kalangan masyarakat yang prihatin terhadap perkembangan semasa negara China.

Rencana Chen Duxiu telah memberangsangkan Li Dazhao untuk menjanakan fikirannya tentang soal “kesedaran diri” dan sangkutpautnya dengan sentimen patriotisme. Li Dazhao sependapat dengan penghujahan Chen Duxiu mengenai “kesedaran diri”, tetapi merasakan bahawa sentimen putus asa di kalangan rakyat China yang dibawa oleh kekecewaan dalam rundingan “21 Permintaan” itu, perlu diberi pertimbangan yang lebih serius.²⁰ Walaupun beliau dapat memahami perasaan kecewa Chen Duxiu, tetapi tidak dapat menyetujui pesimisme yang dibawa olehnya. Beliau ingin mengemukakan pandangan yang pro-aktif untuk membina semula negara agar ia dapat dicintai.

Li Dazhao telah menulis surat kepada Zhang Shizhao, sebagai respons kepada rencana Chen Duxiu. Dengan judul “Pesimisme dan kesedaran diri” (Yanshixin yu zijuexin), beliau telah mengemukakan hujah-hujah yang bercanggahan dengan pandangan Chen, dengan tujuan memberi seruan kepada khalayak ramai agar jangan melepaskan komitmen cintakan negara. Li Dazhao berasa, rata-rata dalam rencana Chen Duxiu, ungkapan-ungkapan yang pesimistik terlampau banyak, sementara idea-idea yang berkesedaran diri pula terlalu sedikit. Beliau menyatakan bahawa refleksi dalam penulisan Chen merupakan suatu semangat patriotik yang mendalam, sehingga menimbulkan kesedihannya terhadap kemunduran negara. Namun, ia tetap suatu perasaan yang bercorak “pesimisme”.²¹

Li Dazhao menegaskan dalam “Pesimisme dan kesedaran diri”, bahawa rakyat perlu berkesedaran diri untuk berusaha membaikpulih negara yang sakit tenat, memupuk semangat patriotik yang progresif. Li Dazhao mengatakan bahawa:

Integrasi antara tamadun timur dan barat, serta reformasi ciri-ciri sosio-politik sememangnya memerlukan dedikasi orang yang mempunyai kesedaran diri, namun kejayaan tidak tercapai dalam sekilip mata. Dengan

²⁰ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 129.

²¹ “Yanshixin yu zijuexin” (Pesimisme dan kesedaran diri), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 313. Rencana yang berbentuk surat kepada wartawan *Majalah Harimau* ini telah disiarkan dalam majalah tersebut dalam keluarannya pada 10 Ogos 1915.

itu, rakyat kita perlu ada kesedaran diri. Maksud kesedaran diri, adalah suatu semangat untuk memajukan negara, agar menjadikan negara itu sebuah negara yang ideal untuk dicintai. Tetapi, warga kita tidak harus melengahkan ikhtiar dan menarik balik cinta terhadap negara, walaupun negara kita tidak cukup ideal untuk dicintai, malah tidak harus menganggap diri sebagai tidak pernah mempunyai sebuah negara yang ideal lalu berputus asa. Sehingga menyamakan diri dengan penduduk yang tidak mempunyai negara dan menganggap diri sebagai orang yang tidak berkemampuan untuk membina sebuah negara yang ideal untuk dicintai.²²

Beliau seterusnya menyeru, China sudah berada di tebing kancang kehancuran, namun selagi ia masih belum menghembuskan nafas terakhirnya, warganya tidak harus berputus asa.²³ Ternyata Li Dazhao yang masih berada di kampus universiti lebih mempunyai pandangan yang berdaya maju dan dinamis. Daya maju dan daya inovatif yang ada pada setiap individu akan menjanjikan reformasi negara ke arah pembangunan yang lebih sempurna.

Dalam perbincangan tersebut, Li Dazhao telah merujukkan konsep kesedaran diri kepada perlunya penyertaan individu terhadap usaha pembinaan semula negara. Beliau melihat “kehendak hati yang bebas” (*free will*) sebagai tugas dan keupayaan dalam kesedaran diri seseorang dan bukannya kebebasan dalam tindakan individu. Dari beberapa sudut, konsepsi Li Dazhao mengenai “kehendak hati yang bebas” itu adalah selari dengan erti istilah “demokrasi” yang digunakan dalam ideologi Komunis China sekarang, di mana “demokrasi” tidak bererti kebebasan individu tetapi obligasi penyertaan individu.²⁴

Li Dazhao secara terus terang menyatakan pendiriannya yang tidak bersetuju dengan hujah-hujah yang diutarakan oleh Chen Duxiu, namun beliau mengaku bahawa, beliau berwaspada agar sentiasa berkesedaran diri menerusi penulisan Chen mengenai “kesedaran diri” itu.²⁵ Jelas diperhatikan dalam perbandingan yang boleh dibuat pada pertengahan 1915, di antara kedua-dua tokoh perintis PKC itu, bahawa terdapatnya perbezaan yang ketara dalam orientasi keintelikualan mereka. Chen Duxiu dengan jelas meragui segala manifestasi

²² Ibid., hlm 314-315.

²³ Ibid., hlm 317.

²⁴ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 24.

²⁵ “Yanshixin yu zijuexin” (Pessimisme dan kesedaran diri), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 313.

terbuka mengenai nasionalisme, sementara Li Dazhao menyanjung tinggi nilai-nilai patriotisme.²⁶ Meisner telah perhatikan bahawa, perdebatan ini hanya merupakan suatu episod yang ringkas dan minor dalam sejarah intelektual China moden, dan tidak terkenal pada masa itu. Namun, isu-isu yang diketengahkan telah membayangkan perkembangan-perkembangan penting dalam tahun-tahun yang menyusul kemudiannya, khususnya cara-cara berbeza yang akan menentukan bagaimana teori Marxis diinterpretasi dan digunakan di dalam persekitaran sejarah China moden.²⁷

Kelainan-kelainan yang tertimbul telah membayangkan perbezaan di antara Chen dan Li dalam kemudian harinya sebagai penganut Marxisme. Walau bagaimanapun, perbezaan baik dari kedudukan ideologi maupun perasaan emosional tidak menghalang kedua-dua tokoh tersebut daripada menyumbang tenaga dalam menjalankan reformasi ke atas China moden berserta bangsanya.²⁸ Ini kerana harapan dalam politik dan orientasi intelektual yang menarik mereka bersama adalah lebih penting daripada isu-isu yang memisahkan mereka. Li Dazhao dan Chen Duxiu berkongsi banyak andaian intelektual serta ideal sosial dan politik yang sama.²⁹

Hubungan di antara kedua-dua tokoh yang berlainan karakter itu sememangnya akrab. Li Dazhao amat menghormati Chen Duxiu, dan menyanjung Chen sebagai pelopor dalam Gerakan Kebudayaan Baru. Menurut pengamatan pelajar mereka ketika kedua-duanya menyandang jawatan di Universiti Peking, Li Dazhao tidak pernah menyebut nama Chen Duxiu secara langsung, tetapi sentiasa menggelarnya sebagai “Encik Zhongfu” (Zhongfu

²⁶ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 24 -25.

²⁷ Maurice Meisner, “Li Ta-chao and the intellectual prerequisites for the Maoist strategy of revolution,” dalam Chun-tu Hsueh (penyunting), *Revolutionary Leaders of Modern China* (New York: Oxford University Press, 1971), hlm 367.

²⁸ Untuk perbandingan tentang pemikiran dan karakter Li Dazhao dan Chen Duxiu sebelum era Gerakan Empat Mei, sila rujuk Zhang Jingshang, “Chen Duxiu yu Li Dazhao bijiao yanjiu” (Kajian perbandingan Chen Duxiu dan Li Dazhao), *Zhongguo Xiantai Sixiangjia Bijiao Yanjiu* (Kajian Perbandingan Pemikir-pemikir Moden China) (Shenyang: Liaoning Daxue Chubanshe, 2001), hlm 10-12.

²⁹ Ibid., hlm 369.

Xiansheng).³⁰ Berkat hubungan yang baik di antara kedua-dua orang tokoh itu, mereka dapat sama-sama mengharungi cabaran zaman untuk memberi nafas baru kepada usaha reformasi di China.

3.3 Hasrat rakyat dan Gerakan anti-Yuan Shikai

Sistem monarki mutlak yang diamalkan di China selama lebih dua ribu tahun telah dimansuhkan menerusi Revolusi 1911, dan diikuti dengan pembentukan entiti politik yang bersistem demokrasi dengan penubuhan sebuah negara republikan yang digelar Republik China. Pembentukan sistem demokrasi itu sememangnya bukan sesuatu perkara yang mudah. Sistem demokrasi di China itu diperoleh dengan ganjaran pengorbanan nyawa dan pertumpahan darah yang tidak terhitung. Namun, nikmat demokrasi yang masih belum kukuh asasnya itu boleh berubah coraknya dengan sekilip mata sahaja.

Yuan Shikai dalam cita-citanya untuk mengejar kekuasaan mutlak, telah lupa akan obligasinya sebagai presiden untuk mempertahankan pelaksanaan demokrasi di republik yang baru itu. Yuan tidak berpuas hati dengan kekuasaan politik yang seakan-akan maharaja, yang sudah menjadi genggaman di dalam tangannya. Presiden Republik China itu ingin menjadi seorang pemerintah monarki dalam erti *de facto* dan *de jure*. Dengan sokongan sebulat suara daripada majlis perwakilan terhadap sistem “Raja Berperlembagaan”, Yuan Shikai telah dinaikkan ke atas takhta pada 12 Disember 1915. Seperti yang dijangka, pemulihan sistem pemerintahan monarki itu telah mendapat tentangan hebat daripada banyak pihak, khususnya golongan nasionalis di bawah pimpinan Sun Yat-sen.

³⁰ Luo Zhanglong, “Kangzhai huiyilu” (Memoir di bilik Kangzhai), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1980), hlm 32.

Perubahan keadaan politik dalam negara yang mendadak itu telah menyentakkan Li Dazhao. Barangkali sistem demokrasi itu bukan sistem yang paling baik, tetapi ianya sistem yang paling tidak menjahamkan di dalam masyarakat moden. Atas kepercayaan itu, Li Dazhao tidak pernah meragui keluhuran sistem demokrasi republikan di China, walaupun beliau tidak berpuas hati dengan perkembangan politik pada zaman awal penubuhan Republik China. Li Dazhao menentang keras pemulihan sistem monarki. Lantaran itu, beliau giat dalam gerakan menentang pemerintahan Yuan Shikai yang autokratik.

Li Dazhao telah dipilih sebagai ketua penyuntingan dalam Gabungan Persatuan Pelajar-pelajar China di Jepun dan dipertanggungjawabkan untuk mengetuai kerja penyuntingan majalah *Minyi*.³¹ Majalah tersebut bertujuan untuk menegakkan ketulusan sosial, mempertingkatkan kajian akademik, menyebarkan kemajuan peradaban moden, dan meningkatkan kebijakan warganegara. Majalah komentar politik itu berkisar di sekitar pengkajian dan perbincangan mengenai “soal-soal asas negara” menerusi tujuh aspek; iaitu perkembangan semasa, sistem negara, perlombagaan, aliran kepartian, kewangan, pemikiran dan akademik.³²

Idea “Minyi” ataupun hasrat rakyat merupakan konsep yang digunakan oleh Li Dazhao dalam memperbincangkan masalah politik China pada zaman awalnya. Beliau berpendapat, mengambil berat hasrat rakyat merupakan cara memantapkan pentadbiran dan kaedah penilaian dalam pelaksanaan politik, dan ini merupakan persoalan utama dalam menyelesaikan masalah politik China.³³ Beliau telah mengarang esei panjang yang terkenal, “Hasrat rakyat dan politik” (*Minyi yu zhengzhi*) dalam keluaran pertama majalah *Minyi*,

³¹ Menurut Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 148, majalah *Minyi* merupakan majalah lidah Gabungan Persatuan Pelajar-pelajar China di Jepun yang diterbitkan pada 15 Mei 1916.

³² Ibid., hlm 161.

³³ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern) (Beijing: Beijing Renmin Chubanshe, 1999), hlm 306.

untuk menyatakan sokongannya terhadap sistem demokrasi republikan dan kritikannya terhadap autokrasi feudalistik.³⁴

Li Dazhao berpendapat bahawa, baik buruknya sesebuah politik, terletak pada kemampuan pengemudinya dalam menyesuaikan diri kepada keinginan rakyat dan mengetengahkan kebebasan hasrat rakyat. Beliau percaya bahawa, bentuk dan sistem politik yang dapat menggambarkan hasrat rakyat dan mewakili keinginan masyarakat, seharusnya bentuk politik yang menjadikan “demokrasi sebagai nilai dalamannya, dan sistem perwakilan dewan parlimen sebagai rangka luarannya”³⁵.

Mengikut pandangan beliau, pemerintahan autokrasi feudalistik telah menghimpit keazaman dan kreativiti bangsa China, dan demikianlah sebabnya China sentiasa mengalami kebuntuan dan ketinggalan selama itu. Demi membina semula bangsa dan negara China, segala tunas autokrasi dan feudalisme mestilah dihapuskan.

Li Dazhao menaruh harapan yang tinggi terhadap keinginan rakyat. Dalam rencana tersebut, beliau meletakkan hasrat rakyat sebagai rujukan utama dalam menentukan halatuju pemerintahan sesebuah negara. Beliau percaya bahawa hanya hasrat rakyat yang akan menentukan nasib politik negara. Hujahannya adalah seperti berikut:

Politik merupakan hasil daripada “Minyi” (hasrat sekelompok rakyat), “Minyi” pula piawaian kepada pertimbangan kebenaran segala perkara. Sekiranya “Minyi” ini dapat diadaptasikan untuk mempertimbangkan urusan-urusan, dan diaplikasikan ke dalam pentadbiran politik, maka keseimbangan dapat dicapai di tengah-tengah kesangjian dan percanggahan pendapat, lalu memperoleh keputusan yang sewajarnya.³⁶

Bagi Li Dazhao, hasrat rakyat merupakan asas kepada perlembagaan demokrasi.³⁷

Dengan berpandukan sejarah negara-negara Barat dalam perjalanan menuju ke arah demokrasi, dan bandingannya dengan falsafah-falsafah tradisional tokoh-tokoh China, beliau mendapati hasrat rakyat sememangnya satu piawaian dan rujukan yang penting dalam

³⁴ “Minyi yu zhengzhi” (Hasrat rakyat dan politik), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 334-359.

³⁵ Ibid., hlm 339.

³⁶ Ibid., hlm 341.

³⁷ Ibid., hlm 338.

pemerintahan politik dan kehidupan sosial. Kedudukan dan kepentingan rakyat amat ditekankan oleh Li Dazhao dalam pemerintahan sesebuah negara. Pendirian itu patut dilihat sebagai interpretasi dan idaman beliau terhadap semangat demokrasi Barat.

Li Dazhao percaya bahawa, kesedaran politik warga China sungguhpun nipis, namun tunas demokrasi dan liberalisme sebenarnya sudah bercambah di China. Beliau tidak lupa untuk mengingatkan warga China untuk memberi nafas baru kepada negara dengan memanfaatkan inspirasi hasrat rakyat tersebut. Menurutnya:

Rakyat dengan maharaja tidak boleh wujud bersama, kebebasan dengan kediktatoran tidak boleh muncul serentak, justeru hidupnya maharaja maka mautnya rakyat jelata, bangkitnya kediktatoran maka lenyapnya kebebasan. Pemerintahan diktatorial pula sentiasa berkembar dengan sistem monarki. Jadi, mereka yang kini ingin menghidupkan semula sistem monarki diktatorial adalah pengkhianat kepada negara, adalah musuh kepada rakyat jelata. Hanya dengan terhapusnya anasir-anasir ini, barulah pembinaan semula tanah China itu menemukan harapan, barulah nasib reformasi China mempunyai peluang untuk mencapai kejayaan. Wahai rakyat China yang mempunyai misi yang berat; sedarlah mu bahawa hari ini permulaan pembinaan semula dunia ini, juga permulaan pembinaan semula negara China. ... binalah semula diri saya dengan sistem baru yang sesuai untuk membina semula China, binalah China dengan trend baru yang sesuai dengan pembinaan semula dunia.³⁸

Di dalam huraianya yang panjang lebar mengenai hubungan di antara budaya tradisional China dan politik demokrasi itu, Li Dazhao ingin meyakinkan rakyat China bahawa, mereka mempunyai tanggungjawab yang besar untuk membina semula negara agar ia relevan dengan trend dunia yang menuju ke arah reformasi. Rakyat zaman moden tidak harus dikongkong oleh pemikiran pemerintahan autokrasi tradisional yang menjunjung tinggi kuasa monarki dan menyerahkan nasib sendiri kepada orang lain. Masa depan negara sememangnya bergantung kepada keazaman rakyat keseluruhannya.

Penekanan Li Dazhao terhadap peranan rakyat sebagai satu nilai dan bentuk kuasa yang kekal abadi dalam sejarah perkembangan manusia adalah sentiasa konsisten baik

³⁸ Ibid., hlm 358.

sebelum ataupun selepas beliau menerima idea-idea Marxisme.³⁹ Penulisan "Hasrat rakyat dan politik" (Minyi yu zhengzhi) telah dilihat sebagai suatu kritikan yang tajam terhadap pemerintahan Yuan Shikai. Ada sarjana yang berpendapat bahawa, Li Dazhao dengan menggunakan idea "Minyi" untuk mengkritik pemerintahan monarki feudalistik Yuan Shikai merupakan suatu sumbangan yang berharga dalam gerakan anti-Yuan Shikai.⁴⁰ Kecenderungan tersebut memperlihatkan pengukuhan konsep populisme dalam pemikiran Li Dazhao, dan sekaligus mendekatkan Li Dazhao yang bertolak daripada pendirian intelektualnya kepada hasrat atau keinginan khalayak massa.

Penjelajahan Li Dazhao ke Jepun telah menjadi tempoh yang penting dalam tahun-tahun awal sepanjang proses pembentukan pemikirannya. Selama tiga tahun di situ, beliau telah didedahkan dengan sepenuhnya kepada idea-idea Barat; walau bagaimanapun, minatnya lebih kepada politik berbanding akademik. Keadaan sedemikian telah menjadi satu fenomena yang biasa di kalangan penuntut China di rantau asing, khususnya di Jepun. Menurut kajian, terjadinya beberapa kali penuntut-penuntut China di Jepun telah meninggalkan Jepun dan kembali ke China apabila tercetusnya sesuatu ketegangan atau persengketaan di dalam hubungan bilateral antara China dan Jepun.⁴¹ Li Dazhao pada hakikatnya juga tidak terlepas daripada perasaan sentimental patriotik. Pelbagai idea-idea Barat cuba dikaji dan diaplifikasi ke dalam situasi China untuk mencari jalan baru dalam reformasi politik negara China, termasuk ideologi Karl Marx juga dikaji semasa pembelajarannya di Jepun sebagai satu alternatif idea Barat yang mungkin dapat membawa nafas baru kepada politik China. Reformasi politik telah menjadi minat mahupun misi hidup Li Dazhao sepanjang hayatnya.

³⁹ Tong Shijun, "Li Dazhao yu J. S. Mill" (Li Dazhao dan J. S. Mill), Liu Qingfeng dan Cen Guoliang (penyunting), *Zizou Zhuyi yu Zhongguo Jindai Chuantong* (Liberalisme dan Pemikiran Pra-moden di China) (Hong Kong: The Chinese University of Hong Kong, 2002), hlm 313.

⁴⁰ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 341.

⁴¹ Sila rujuk Chow Tse-tsung, *The May Fourth Movement: Intellectual Revolution in Modern China*, hlm 33-34.

Gerakan anti-pemerintahan Yuan Shikai masih hangat, suasana politik dalam negara China yang beralih ganti dengan mendadak telah mendesak Li Dazhao dengan hati yang tidak ternanti-nanti untuk menyumbang tenaga ke atas nusa bangsanya. “Memandangkan desakan untuk membina semula negara China sudah tidak dapat dilengah-lengahkan lagi”, di tengah-tengah pergolakan pemulihan sistem monarki itu, Li Dazhao bergegas kembali ke China pada Mei 1916.⁴² Gao Yihan, rakannya di Jepun telah menyifatkan tindakan Li Dazhao tersebut sebagai, “Shouchang [Li dazhao] demi menyelamatkan negara, dengan tegas mengetepikan pelajarannya, malah tidak mempedulikan sijil kelulusan universiti, tanpa menunggu sehingga tamatnya semester,” telah kembali ke tanahair untuk mengusahakan gerakan revolusi sosial.⁴³ Bandar Shanghai yang diwarnai dengan pelbagai budaya Barat menjadi destinasi sementara bagi Li Dazhao untuk memulakan misi menyedarkan masyarakat dan membangun semula negara.

3.4 Impian membina China yang muda

Li Dazhao tergegas-gegas kembali ke Shanghai tanpa menunggu peperiksaan akhirnya di Universiti Waseda. Ternyata bahawa beliau merasakan penyertaan secara langsung dalam perkembangan sosio-politik di China adalah lebih mendesak dan lebih mustahak daripada pelajarannya di Jepun.⁴⁴ Reformis muda yang sentiasa menekankan kepentingan pendidikan dan kajian teoretis juga tidak dapat bertahan daripada arus pergolakan politik yang deras. Dalam enam bulan yang pertama sekembalinya ke China, Li

⁴² “Yu zhong zishu” (Autobiografi dalam penjara), *LDZQJ*, Jilid 4, hlm 714.

⁴³ Gao Yihan, “Huiyi Wusi shiqi de Li Dazhao tongzhi” (Mengenang komrad Li Dazhao dalam era Empat Mei), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 164.

⁴⁴ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 28. Sahabat Li Dazhao, Tang Hualong telah memberitahu beliau bahawa gerakan anti-Yuan Shikai telah sampai ke kemuncaknya. Tang meminta Li agar kembali ke China dengan secepat yang mungkin.

Dazhao telah mengambil bahagian secara aktif dalam aktiviti Parti Jinbudang (Parti Progresif), terutamanya menyertai perbincangan dalam Persatuan Diskusi Perlembagaan, sebagai tindakan konkret dalam gerakan anti-Yuan Shikai.⁴⁵

Maurice Meisner melihat penyertaan Li Dazhao dalam Parti Jinbudang sebagai satu pilihan yang memerlukan perhatian. Penyertaan Marxis Pertama China itu hanya dua tahun sebelum beliau berpaling ke arah Revolusi Bolshevik, sedangkan Parti Jinbudang merupakan parti yang paling konservatif di antara parti-parti politik yang anti-monarki. Meisner menganggap bahawa, keputusan Li Dazhao tersebut terutamanya disebabkan oleh karakter pemikiran politik Li sendiri. Implikasi revolusinya daripada falsafah aktivistik dan dialektik yang telah diperkembangkan di Jepun masih belum diterjemahkan ke dalam suatu kecenderungan politik yang radikal. Di samping itu, persahabatan dan rasa berterima kasih Li Dazhao terhadap Tang Hualong turut menjadi faktor yang menentukan pendirian Li untuk menyertai Parti Jinbudang dalam detik-detik sebaik sahaja beliau kembali ke tanahair.⁴⁶

Bukan Li Dazhao sendiri sahaja yang mengalami perubahan pemikiran yang mendadak, malahan China secara keseluruhannya turut mengalami perubahan dan transformasi politik yang pantas sekali, sehingga di luar jangkaan semua orang. Yuan Shikai terpaksa menarik balik pemerintahan monarkinya pada 23 Mei 1916. Pengikut-pengikut Yuan Shikai telah membela kenyataannya satu demi satu. Provinsi demi provinsi telah mengisyiharkan kemerdekaan mereka daripada pemerintahan Yuan. Tidak tertahan dengan tamparan demi tamparan yang hebat, Yuan Shikai telah meninggal dunia secara tiba-tiba diserang uremia di atas perjawatan presidennya pada 6 Jun 1916, dalam usia lima puluh enam tahun.⁴⁷ Immanuel Hsu menyifatkan perkembangan itu sebagai “satu kesudahan mendadak bagi drama tragikomik monarkisme secara tidak terduga”.⁴⁸

⁴⁵ Ibid., hlm 29.

⁴⁶ Ibid., hlm 30.

⁴⁷ Untuk keterangan lanjut tentang penilaian yang menyeluruh terhadap kerjaya seumur hidup Yuan Shikai, sila rujuk Jerome Chen, *Yuan Shih-kai, 1859-1916: Brutus assumes the purple* (London: Allen & Unwin, 1961).

⁴⁸ Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China* (New York: Oxford University Press, 2000), hlm 482.

Walaupun pemerintahan kediktatoran Yuan Shikai telah sampai kesudahannya, namun kesengsaraan orang China belum sampai penghujungnya. Dengan pemergian Yuan itu, maka bermulalah suatu keadaan politik berpecah-belah di bawah pemerintahan militer oleh hulubalang-hulubalang tentera di merata tempat di China, yang berlanjutan selama duabelas tahun, sehingga penyatuan negara oleh kerajaan Nasionalis pada tahun 1928. Pengkaji sejarah China moden yang terkenal, Lucian W. Pye berpendapat bahawa, analisis tentang politik gabenor tentera tersebut merupakan satu kekunci untuk memahami ciri-ciri fundamental dalam politik China moden. Menurutnya, kegagalan hulubalang-hulubalang tentera itu untuk menyediakan suatu sistem pemerintahan yang lebih toleransi dan bersesuaian kepada orang China, telah menghalang sebarang peluang bagi China untuk membangunkan satu sistem kerajaan yang lebih terbuka, kompetitif dan demokratik.⁴⁹ Penulisan-penulisan Li Dazhao pula telah menyediakan kekunci untuk memahami kelemahan dan kesilapan dalam pemerintahan yang berpecah-belah itu. Zaman hulubalang-hulubalang tentera tersebut memperlihatkan bahawa, pemerintahan negara China sejak zaman Yuan Shikai sehingga Chiang Kai-shek (Jiang Jieshi), hanya pemerintahan satu entiti politik yang bersatu secara nominal sahaja.⁵⁰ Kebangkitan hulubalang-hulubalang tentera telah mengekang pembangunan negara China sebagai sebuah negara moden yang stabil.

Usaha pembentukan semula perlembagaan parlimen oleh Parti Jinbudang tidak terhenti di situ sahaja. Pengasasan akhbar *Loceng Subuh* (*Chenzhong*) telah menunjukkan keazaman para pemimpin Parti Jinbudang seperti Liang Qichao dan Tang Hualong untuk memainkan peranan yang lebih dominan dan impresif dalam perkecambangan politik China.⁵¹

⁴⁹ Lucian W. Pye, *Warlord Politics: Conflict and Coalition in the Modernization of Republican China* (New York · Washington · London: Praeger Publishers, 1971), hlm 169-170.

⁵⁰ John King Fairbank, *The Great Chinese Revolution: 1800-1985* (New York: Harper & Row, Publishers, 1986), hlm 176.

⁵¹ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Moden), hlm 375.

Li Dazhao telah direkemen oleh Tang Hualong untuk memegang jawatan sebagai ketua penyunting bagi akhbar organ Parti Jinbudang itu.⁵²

Pada 11 Julai 1916, Li Dazhao bertolak ke utara untuk melaksanakan tugas penyuntingannya untuk akhbar tersebut yang bertapak di Beijing.⁵³ Surat khabar dan mata pena merupakan peralatan penting bagi Li Dazhao dalam usahanya untuk membawa kesedaran kepada masyarakat China yang melangkah masuk ke pintu gerbang zaman moden yang penuh dengan pelbagai cabaran.

Li Dazhao menjadikan Akhbar *Loceng Subuh* sebagai tapak memberi galakan dan inspirasi kepada golongan muda agar sentiasa berkesedaran diri dan memajukan diri. Pada 15 Ogos 1916, keluaran pertama akhbar harian *Loceng Subuh* telah diterbitkan.⁵⁴ Li Dazhao telah menulis rencana, “Mandat loceng subuh - pembinaan Zhonghua [China] yang muda” (*Chenzhong zhi shiming - qingchun Zhonghua zhi chuangzao*) dan disiarkan dalam keluaran tersebut.

Rencana tersebut menyatakan bahawa situasi di China pada ketika itu berada dalam suatu titik peralihan, “Zhonghua” yang tua telah menjelang hari akhirnya, sementara “Zhonghua” yang muda masih belum dilahirkan. China berada dalam pergantian antara kegelapan dengan waktu subuhnya. Li Dazhao yakin bahawa, sinaran subuh akan menjelang tiba di China, dan kemudahan China akan menjelang tiba. Li Dazhao mengajak golongan muda untuk membina “Zhonghua” yang muda. Beliau berkata, “Zhonghua” sendiri tidak mempunyai nasib sebenarnya, nasib itu sebenarnya terletak pada nasib kaum muda. Adanya kaum muda, “Zhonghua” tidak akan tumbang. Negara tidak boleh ketiadaan pemuda walaupun sehari, sementara kaum muda tidak boleh ketandusan kesedaran diri.⁵⁵

⁵² Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 30.

⁵³ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 192.

⁵⁴ Ibid., hlm 193.

⁵⁵ “Chenzhong zhi shiming - qingchun Zhonghua zhi chuangzao” (Mandat loceng subuh - pembinaan Zhonghua [China] yang muda), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 365.

Li Dazhao melihat suara Akhbar *Loceng Subuh* sebagai lidah pemuda. Akhbar *Loceng Subuh* sendiri tidak mempunyai mandat sebenarnya, tetapi menganggap mandat golongan muda sebagai mandatnya.⁵⁶ Li Dazhao melihat golongan muda sebagai “raja dalam hidup, musim bunga dalam hidup, dan intipati dalam hidup”.⁵⁷ Kaum muda tidak mengenal susah payah dan tidak menghiraukan halangan dalam hidup. Beliau telah meletakkan impian untuk membina China yang muda di atas bahu golongan muda. Namun, beliau meminta golongan muda agar membebaskan diri daripada belenggu konsepsi dan tradisi lama, dengan meroboh dan membina, serta menawan dan berdedikasi untuk membangunkan negara.⁵⁸

Li Dazhao mengatakan bahawa, “kaum muda merupakan roh kepada negara, dan akhbar *Loceng Subuh* sebagai sahabat golongan muda.”⁵⁹ Dengan itu, golongan muda harus berusaha agar berhemah tinggi demi kepentingan negara, sementara akhbar *Loceng Subuh* harus berusaha untuk memberi dorongan kepada golongan muda, dan masing-masing hendaklah bertekad menjadikan pembinaan China yang muda sebagai mandat yang hanya satu. Dalam pada itu, Li dazhao menegaskan bahawa, golongan tua yang dibincangkannya di dalam rencana tersebut untuk membuat perbandingan dengan golongan muda, bukan dirujuk kepada konsep “tua” dari segi usia, tetapi dari segi semangat dan mentaliti; bukan dirujuk kepada individu, tetapi kepada masyarakat secara keseluruhannya. Maka beliau mengatakan bahawa, bagi mereka yang usianya tua tetapi kelihatan semakin kuat dan bertenaga, haruslah disanjungi dan dihormati. Sementara bagi mereka yang masih muda tetapi sudah uzur dan runtuh semangatnya, patut ditarik dalam golongan yang dikecam dan dikritik.⁶⁰

Suatu fenomena yang agak menarik semenjak penubuhan Republik China sehingga era Gerakan Empat Mei, adalah memperlihatkan perkataan-perkataan seperti “shaonian” (remaja), “qingnian” (pemuda), “qingchun” (kemudaan) dan seumpamanya telah menjadi

⁵⁶ Ibid..

⁵⁷ Ibid., hlm 366.

⁵⁸ Ibid., hlm 369.

⁵⁹ Ibid..

⁶⁰ Ibid..

Kegemilangan tidak muncul dengan sendirinya. Kemunduran juga tidak hadir secara automatik. Li Dazhao mengulas kebangkitan dan kejatuhan negara dengan ibarat evolusi bunga diikuti buah dan buah diikuti benih:

China tua sebenarnya buah yang dilahirkan oleh China muda, China muda sebenarnya bunga yang dilahirkan semula oleh China tua yang hidup semula. China tua adalah bunga yang layu, sementara China muda adalah bunga yang baru memekar. Yang layu menyuburkan yang baru memekar, justeru yang layu dengan yang memekar akan datang silih berganti. Ini berlaku pada zaman dahulu dan akan berlaku lagi pada zaman akan datang. Dalam alam semesta ini, terdapat kemudaan yang tidak terhingga, dan alam sejagat ini terdapat kecantikan bunga yang tidak layu. Kerja menanam, menjaga, mengair, malah menikmati dan menghargai kecantikannya, jikalau tidak diletakkan pada bahu golongan muda, siapakah lagi yang ingin diharapkan?⁶⁵

Pengarang Biografi Li Dazhao, Maurice Meisner berpendapat bahawa, retorik Li Dazhao dalam menggalurkan satu kitaran hidup dan mati pada alam semula jadi dan manusia berserta dengan sebuah negara tersebut telah memperlihatkan satu bentuk pandangan dialektik dalam kelahiran semula. Penerapan falsafah dialektik dalam evolusi dan kelahiran semula oleh Li Dazhao itu bukan sahaja memainkan peranan yang penting dalam evolusi keintelektualan beliau sendiri, telah juga merupakan satu lambang awal dalam salah satu kecenderungan pemikiran yang dominan di kalangan intelektual China moden.⁶⁶ Pernyataan tentang kelahiran semula China muda itu telah memberangsangkan para intelektual dan pemimpin politik generasi muda dalam Gerakan Empat Mei 1919. Pandangan yang berakar kepada kepercayaan yang beremosi kuat itu telah ditukar menjadi salah satu asas dalam bentuk dan kandungan ideologi Komunisme China kelak.

Ahli falsafah China kontemporari, Zhang Rulun berpendapat bahawa, penulisan "Kemudaan" oleh Li Dazhao tersebut mempunyai makna dan kepentingan yang besar jika ditinjau dari sudut sejarah intelektual China moden. Metafora yang dibawa oleh "qingchun" telah menjadi suatu unsur yang penting dalam perkembangan pandangan dunia China moden, lantaran rencana "Kemudaan" harus ditarik sebagai sumber bahan penulisan yang

⁶⁵ "Qingchun" (Kemudaan), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 389.

⁶⁶ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 26-27.

penting dalam sejarah intelektual China moden.⁶⁷ Idea tentang pembinaan semula negara China yang muda sebagai suatu perkembangan yang tidak dapat dielakkan, turut merupakan satu kepercayaan emosional yang telah berakar umbi sehingga membentukkan corak dan kandungan bagi mentaliti Komunis China pada kemudiannya harinya.⁶⁸

Penulisan “Kemudaan” memang serasi dengan impiannya untuk membina China yang muda, dengan menggalakkan sesuatu pandangan hidup optimistik yang sentiasa penuh dengan harapan masa depan. Pendirian yang sedemikian juga merupakan satu bantahan terhadap sikap pesimisme yang umum di kalangan pemuda-pemudi pada ketika itu. Beliau cuba menegakkan idealisme untuk membina sebuah negara yang diidami. Menurut Meisner, penulisan “Kemudaan” adalah hasil daripada pengaruh Ralph Waldo Emerson terhadap Li Dazhao. Emerson yang sangat popular di Jepun dengan berbekalkan falsafah optimistik yang periang telah menjadi sumber penting terhadap pandangan optimisme baru Li Dazhao untuk terus mempamerkan harapan kepada masa depan.⁶⁹ Jika dilihat dari sudut pandangan yang lain pula, sememangnya Li Dazhao yang masih tidak menyerah kalah kepada nasib kemunduran bangsanya, perlu memberi motivasi kepada seluruh adik-beradik serumpun sebangsanya agar terus berdaya maju. Sekiranya harapan itu tidak diletakkan pada golongan muda, ke manakah masa depan negara patut ditujukan?

Seperti juga Chen Duxiu, Li Dazhao telah meletakkan harapan untuk membina semula masyarakat China di atas bahu golongan muda. Sehingga akhir-akhir usaha perjuangan Li Dazhao dalam modenisasi China, beliau tetap menekankan peranan pemuda dalam pembangunan reformasi negara. Pendirian tersebut dapat dibuktikan menerusi

⁶⁷ Zhang berhujah bahawa, barangkali ada orang yang mengatakan bahawa rencana “Kemudaan” bukan sebuah penulisan teoretis dalam erti kata yang ketat. Namun ciri-ciri bagi sebahagian sumber penulisan yang penting dalam sejarah intelektual China moden adalah adunan bersebatи di antara sentimen yang subjektif dan pendirian yang teoritikal, yang sukar dibezakan. Ini kerana masalah-masalah yang dihadapi dalam pemikiran China moden seringkali wujud dalam krisis kemandirian yang mendesakkan. Di dalam krisis yang mendesakkan itu, mereka biasanya tidak sempat untuk bersikir panjang dan mudah bertindak tergopoh-gopoh, agar memperoleh kesimpulannya dengan secepat mungkin. Sila rujuk Zhang Rulun, *Xiandai Zhongguo Sixiang Yanjiu* (Kajian Pemikiran China Modern), hlm 73-75.

⁶⁸ Maurice Meisner, “Li Ta-chao and the intellectual prerequisites for the Maoist strategy of revolution,” dalam Chun-tu Hsueh (penyunting), *Revolutionary Leaders of Modern China*, hlm 371.

⁶⁹ Maurice Meisner, *Li Ta-chao and the Origins of Chinese Marxism*, hlm 25-26.

keprihatinan dan kasih sayang yang dicurahkan oleh Li Dazhao kepada golongan muda sepanjang kerjayanya di Universiti Peking dan gerakan Revolusi Nasional di bawah PKC maupun GMD. Akan tetapi, berlainan dengan pandangan Chen Duxiu yang sentiasa pesimistik terhadap golongan muda di China yang dikatakan uzur serta dikongkong oleh nilai tradisional seperti golongan tua, Li Dazhao pula lebih optimistik secara relatifnya.

Li Dazhao berpendapat bahawa, golongan muda dan golongan tua sama-sama merupakan unsur penting dalam pembentukan sesebuah masyarakat. Kedua-duanya perlu memamerkan prestasi dan kelebihan masing-masing dan saling melengkapi untuk memberi manfaat kepada kepentingan masyarakat dan pembangunan tamadun. Kerjasama dan semangat lengkap-melengkapi di antara orang tua dengan orang muda adalah perlu demi kebahagiaan masyarakat.⁷⁰ Li Dazhao melihat tindakan menghina dan memandang ringan orang tua-tua sebagai perlakuan buruk oleh masyarakat yang tidak bertamadun.⁷¹

Kedua-dua rencana, “Kemudaan” dan “Mandat loceng subuh - pembinaan Zhonghua yang muda” yang tersebut di atas telah melambangkan seruan Li Dazhao agar semua menyambut nafas baru China dengan penuh harapan. Beliau percaya bahawa, berkat keazaman dan kekuatan rakyat, khususnya golongan muda, China dapat dibina semula untuk menghadapi cabaran dunia moden. Akhbar *Loceng Subuh* seterusnya telah menyiarkan belasan rencana karangan Li Dazhao, yang kebanyakannya adalah berkisar di sekitar motivasi untuk pemuda.

Di samping itu, Li Dazhao turut menulis beberapa buah rencana yang bertujuan untuk memperkenalkan sasterawan-sasterawan dan pemikir-pemikir asing yang agung, seperti Lev Tolstoy, Friedrich Wilhelm Nietzsche, Tagore Rabindranath, dan Francis Bacon di dalam akhbar *Loceng Subuh*. Keadaan tersebut bukan sahaja dapat menerangkan bahawa, membaca dan memperkenalkan karya-karya dan pemikiran tokoh asing sebagai satu fenomena yang umum pada zaman tersebut, tetapi juga memaparkan keprihatinan humanisme Li Dazhao

⁷⁰ “Qingnian yu laoren” (Orang muda dan orang tua), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 565.

⁷¹ Ibid., hlm 567.

yang telah menekankan aspek pandangan keperimanusiaan dalam pemikiran tokoh-tokoh yang dibincangkannya.

Li Dazhao ingin menyemarakkan usaha “*enlightenment*” untuk menyedarkan minda masyarakat di Beijing menerusi akhbar *Loceng Subuh*. Beliau ingin “memukul loceng kebebasan” demi memberi motivasi kepada kaum muda dan mengejutkan China yang umpamakan “singa yang tengah tidur”, agar menggalakkan gerakan pembinaan China yang muda.⁷²

Pada 5 September 1916, Li Dazhao telah menyiaran pengumuman mengenai perletakan jawatannya selaku ketua penyunting akhbar *Loceng Subuh*.⁷³ Bermula dari Li Dazhao direkemen untuk memegang jawatan tersebut sehingga meletakkan jawatan, hanya memakan masa kira-kira dua bulan.⁷⁴ Walaupun beliau sudah meninggalkan akhbar *Loceng Subuh*, namun impiannya tetap berkekalan dengan mencari platform yang lain untuk merealisasikan hasratnya. Selepas penarikan diri dari Parti Jinbudang, penulisan Li Dazhao semakin memperlihatkan corak keradikalannya.

3.5 Penggubalan perlembagaan dan kebebasan rakyat

Penggubalan perlembagaan merupakan satu misi yang penting sebagai asas undang-undang bagi entiti politik demokrasi. Pada hari yang sama dengan perletakan jawatan Li Dazhao sebagai ketua penyunting akhbar *Loceng Subuh*, mesyuarat parlimen yang dipulihkan tidak lama sebelum itu telah secara rasminya meneruskan tugas penggubalan

⁷² “Chenzhong zhi shiming - qingchun Zhonghua zhi chuangzao” (Mandat suci loceng subuh - pembinaan Zhonghua [China] yang muda), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 369.

⁷³ “Li Shouchang qishi” (Pengumuman oleh Li Shouchang [Li Dazhao]), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 405.

⁷⁴ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 407.

perlembagaan yang sudah tergendala suatu ketika dahulu. Li Dazhao sememangnya amat prihatin terhadap perkara tersebut. Lantaran beliau telah menulis sebuah rencana yang berjudul, “Berkati 5 September”.⁷⁵ 5 September 1916 merupakan tarikh perasmian bermulanya persidangan penggubalan perlembagaan. Beliau melihat penggubalan perlembagaan itu sebagai permulaan baru dalam usaha membina semula negara. Di samping menegaskan bahawa perlembagaan sebagai asas perundangan dan pentadbiran negara, beliau memberi amaran kepada mereka yang bertanggungjawab dalam tugas tersebut agar berhati-hati dan melakukan kerja itu dengan terperinci supaya tidak menghampakan rakyat.

Untuk terus memberi perhatian yang serius terhadap penggubalan perlembagaan, Li Dazhao bersama-sama dengan beberapa orang rakannya telah bercadang untuk menuahkan sebuah majalah bagi mencerminkan suara rakyat terhadap urusan penggubalan perlembagaan. Majalah *Xianfa Gongyan* (Perbincangan Awam mengenai Perlembagaan) telah diasaskan pada 10 Oktober 1916, sempena Hari Peringatan Penubuhan Republik China yang kelima. Majalah tersebut diterbitkan ekoran daripada pemulihan persidangan parlimen dan terlaksananya penggubalan perlembagaan baru, yang telah mengakibatkan persaingan hangat di kalangan parti-parti politik pelbagai aliran. Seperti yang tertera di dalam keluaran pertamanya, majalah itu bertujuan menerangkan butiran perlembagaan, dan mempertingkatkan perbincangan terhadap perundangan demi mengikis anasir yang autokratik, agar memperoleh satu perlembagaan yang sempurna untuk Republik China.⁷⁶

Li Dazhao merupakan pengarang utama untuk majalah tersebut. Mula-mulanya, beliau telah memberi pandangan mengenai prinsip-prinsip asas yang perlu diberi perhatian dalam penggubalan perlembagaan.⁷⁷ Pertamanya, penggubal perlembagaan harus sedar akan kuasa perlembagaan yang maha tinggi. Pengaruh di luar sisi undang-undang yang

⁷⁵ “Zhu jiu yue wu ri” (Berkati 5 September), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 403-404.

⁷⁶ Zhu Chengjia, *Li Dazhao Zaoqi Sixiang yu Jindai Zhongguo* (Pemikiran Awal Li Dazhao dan China Modern), hlm 411.

⁷⁷ “Zhiding xianfa zhi zhuyi” ([perkara yang perlu diberi] perhatian dalam penggubalan perlembagaan), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 408-413.

"istimewa" daripada parti-parti yang saling bersaingan dari pelbagai aliran perlu dikekang. Yang kedua, perlembagaan perlu dibentuk dalam corak persuratan, serta dalam bentuk tidak tersurat agar perundangan negara dapat disempurnakan dengan ikatan sosial yang bersepadan dengan norma hidup masyarakat.

Soal sistem provinsi bagi menentukan pengagihan kuasa pusat dan tempatan yang menjadi perdebatan besar dalam proses penggubalan perlembagaan telah mendapat perhatian Li Dazhao. Dalam rencana "Sistem provinsi dan perlembagaan" (*Shengzhi yu xianfa*), beliau telah menggalurkan asal-usul sistem provinsi semenjak dinasti Han. Daripada kajiannya tentang pembahagian kuasa dengan merentasi rentetan sejarah, didapati bahawa keadaan berlakunya desentralisasi kuasa adalah lebih banyak daripada pemusatkan kuasa.⁷⁸ Dalam huraiannya yang panjang lebar, Li Dazhao telah menganalisa asal-usul dan sebab-musabab pertentangan teori pemusatkan kuasa dan desentralisasi kuasa, serta hubungan antara persekutuan dengan penyatuan negara.⁷⁹ Li Dazhao bukan sahaja menyokong agar sistem provinsi itu dimaktubkan dalam perlembagaan, malah cuba melakarkan kerangka panduan serta langkah-langkah pelaksanaannya.⁸⁰

Dalam konsep pemikiran Li Dazhao, kebebasan merupakan unsur utama bagi kebahagiaan rakyat yang tidak boleh dicari ganti. Kebebasan mempunyai makna yang penting dalam menjamin realisasinya hasrat rakyat dan berkembangnya sistem demokrasi. Li Dazhao telah menghuraikan pandangan tersebut dalam rencananya, "Perlembagaan dan kebebasan berfikir" (*Xianfa yu sixiang ziyou*). Beliau memulakan hujahannya seperti berikut:

Sesungguhnya manusia hindarkan mati dan tamakkan hidup, namun demi kebebasan, manusia sanggup mengorbankan nyawanya sebagai ganjaran untuk memperoleh kebebasan. Maka jelas terbukti bahawa nilai kebebasan adalah sama tinggi dengan nilai nyawa, malahan mungkin jauh lebih tinggi nilainya daripada nyawa.⁸¹

⁷⁸ "Shengzhi yu xianfa" (Sistem provinsi dan perlembagaan), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 417.

⁷⁹ Ibid., hlm 418-427.

⁸⁰ Ibid., hlm 429-431.

⁸¹ "Xianfa yu sixiang ziyou" (Perlembagaan dan kebebasan berfikir), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 432.

Justeru itu, pemaktuban hak kebebasan dalam perlembagaan merupakan permintaan yang sewajarnya untuk mengekalkan kemandirian rakyat dalam negara yang berperlembagaan. Demi menjamin kebebasan yang secukupnya untuk rakyat, kebebasan berfikir seharusnya diberi keutamaan.

Li Dazhao berpendapat, sejak dinasti Qin lagi, maharaja dan “shengren” (orang mulia) telah menjadi penghalang utama kepada hak kebebasan rakyat.⁸² Beliau bersetuju dengan tindakan menghormati tokoh-tokoh ternama, seperti Konfusius dengan mengadaptasi ideanya sebagai inspirasi hidup, tetapi membantah keras tindakan menyembah Konfusius sebagai pepatung pujaan, disebabkan tindakan sedemikian akan mengekang pemikiran dan mentaliti rakyat, yang seterusnya pula akan menyekat perkembangan intipati falsafah Konfusius yang baik.⁸³ Beliau menyeru agar seluruh rakyat membebaskan diri daripada cengkaman pemikiran itu.

Bertolak daripada situasi semasa di China, Li Dazhao telah menekankan tiga aspek kebebasan: iaitu kebebasan penerbitan, kepercayaan dan pendidikan, sebagai landasan untuk mencapai kebebasan berfikir yang sepenuhnya.⁸⁴ Li Dazhao melihat pemikiran sebagai suatu kebebasan yang mutlak, suatu kebebasan yang tidak dapat dihalang. Tindakan mlarang sesuatu pemikiran adalah mustahil, disebabkan pemikiran merupakan suatu kekuatan tenaga yang dapat mengatasi segala-galanya. Kebebasan berfikir dan kebebasan bersuara diwujudkan untuk menjamin harapan dan realiti dalam hidup manusia. Justeru itu, sebarang pemikiran atau pandangan yang disampaikan secara realistik dan tulus ikhlas hanya akan memberi manfaat kepada manusia, tanpa sebarang padah. Dengan itu, Li Dazhao menasihati mereka yang ingin menyekat kebebasan berfikir dan bersuara, agar memanfaatkan kebebasan

⁸² Ibid., hlm 433.

⁸³ Ibid., hlm 434-435.

⁸⁴ Ibid., hlm 435-435.

bersuara untuk menghapuskan pemikiran yang bahaya, dan jangan pula mlarang kebebasan bersuara dengan alasan untuk menyekat pemikiran yang bahaya.⁸⁵

Dari aspek perundangan, Li Dazhao melihat perlombagaan sebagai surat jaminan kepada kebebasan.⁸⁶ Dalam edisi pertama majalah *Xianfa Gongyan* sempena peringatan ulang tahun penubuhan Republik China yang kelima, beliau telah menegaskan bahawa:

“Formaliti perlombagaan walaupun disediakan pada hari ini, tetapi semangat yang terkandung di dalam perlombagaan sebenarnya telahpun dipupuk pada hari pertarungan revolusi dan pengorbanan nyawa oleh ramai pelopor kita.”⁸⁷ Justeru itu, perlombagaan tidak boleh dimanipulasi atau dimansuhkan atas kehendak seseorang individu kerana asas perlombagaan tersebut tidak terletak pada fasal-fasal peraturan di atas helaian kertas, tetapi sudah terpahat di dalam sejarah negara dengan pertumpahan darah oleh rakyatnya yang perintis.

Li Dazhao telah menyampaikan pandangannya mengenai penggubalan perlombagaan dengan harapan memperoleh sebuah perlombagaan yang dapat menjamin nasib rakyat China. Daripada rencana-rencana yang dikemukakan itu, dapat diperhatikan bahawa, Li Dazhao dengan berbekalkan penguasaan ilmu politik moden serta pengamatannya terhadap situasi sebenar masyarakat China amnya dan kerajaan republikan khasnya, telah memberikan pandangan yang kritis dan cadangan-cadangan yang berasas dalam penggubalan perlombagaan. Hasratnya cuma satu: dengan pegangannya terhadap prinsip-prinsip demokrasi, beliau mengharapkan reformasi politik yang menyeluruh, bukan sahaja dari segi sistem dan mekanisme, tetapi turut merangkumi aspek pengertian dan penghayatan rakyat terhadap nikmat konsep demokrasi. Beliau mengharapkan reformasi yang mendalam dan meluas, yang benar-benar dapat memberi manfaat kepada rakyat jelata. Penulisannya telah banyak menyumbang kepada penyaluran idea-idea dalam pengaplikasian doktrin-doktrin

⁸⁵ “Weixian sixiang yu yanlun ziyou” (Pemikiran bahaya dan kebebasan bersuara), *LDZQJ*, Jilid 3, hlm 272-273.

⁸⁶ “Guoqing jinian” (Peringatan kepada Hari Kebangsaan), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 406.

⁸⁷ Ibid., hlm 407.

demokrasi republikan. Namun, atas masalah kewangan, majalah itu terpaksa menghentikan penerbitannya pada 10 Januari 1917, pada keluaran yang kesembilannya.⁸⁸

Impian Li Dazhao untuk membina semula China yang muda, sekali lagi menghadapi kehampaan apabila usaha penggubalan perlombagaan terjejas, berikutan dengan pembubaran parlimen pada 13 Jun 1917. Namun, beliau tidak berputus asa disebabkan harapannya masih tersandar pada “pemuda baru”.

3.6 Usaha pemupukan idea demokrasi dan arus anti-Konfusianisme

Pada Januari 1917, majalah harian *Harimau* (*Jiayin Rikan*) telah diterbitkan oleh Zhang Shizhao di Beijing. Li Dazhao diundang untuk menjadi ketua pengarang majalah harian tersebut, bersama-sama dengan Gao Yihan, rakan karibnya ketika di Jepun. Mereka berdua dipertanggungjawabkan untuk menulis komentar lidah pengarang secara bergilir-gilir.⁸⁹ Li bertugas untuk majalah harian *Harimau* selama lebih empat bulan dengan mengemukakan lebih enam puluh rencana, yang merangkumi aspek politik dalam negara, diplomatik, masalah sosial, serta pengaruh perang dunia dan sebagainya.⁹⁰

Dalam rencana “Nafas baru bagi majalah *Harimau*” (*Jiayin zhi xinshengming*), beliau telah menunjukkan bahawa usaha memajukan majalah harian *Harimau* demi menyesuaikan diri dengan situasi persekitaran dan memberi dorongan kepada rakyat agar memajukan diri. Ini merupakan satu-satunya misi majalah itu.⁹¹

⁸⁸ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 206.

⁸⁹ Gao Yihan, “Huiyi Wusi shiqi de Li Dazhao tongzhi” (Mengenang komrad Li Dazhao dalam era Empat Mei), dalam *Huiyi Li Dazhao* (Li Dazhao dalam Memori), hlm 164-165.

⁹⁰ Zhu Zhimin, *Li Dazhao Zhuan* (Biografi Li Dazhao), hlm 209.

⁹¹ “*Jiayin zhi xinshengming*” (Nafas baru bagi majalah *Harimau*), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 445-446.

Berkisar di sekitar soal politik dalam negara, khususnya dengan kemunculan cadangan badan-badan pengajian Konfusianisme untuk memartabatkan Konfusianisme sebagai agama rasmi negara, Li Dazhao telah mengemukakan rencana “Kong Zi dan perlombagaan” (*Kong Zi yu xianfa*) dan “Pandangan etika alam dan Kong Zi” (*Ziran de lunliguan yu Kong Zi*), sebagai bantahannya terhadap cadangan memaktubkan ajaran Konfusius ke dalam perlombagaan.

Li Dazhao berpendirian bahawa, dari sudut pandangan mengenai hubungan di antara pengajian Konfusianisme dan pembentukan perlombagaan, ternyata bahawa Kong Zi (Konfusius) tiada hubung kait dengan perlombagaan. Beliau berasa amat pelik terhadap cadangan untuk memaktubkan fasal “Pendidikan warganegara berteraskan ajaran Kong Zi sebagai asas utama pembentukan salsiah peribadi” ke dalam perlombagaan. Li Dazhao mengkritik keras tindakan memaktubkan ajaran Konfusius ke dalam perlombagaan dengan alasan bahawa ajaran Konfusianisme hanya merupakan kepercayaan bagi sebahagian orang China, sedangkan perlombagaan merupakan doktrin hidup yang diperuntukkan kepada seluruh rakyat China. Jikalau kepercayaan sebahagian rakyat itu diaplikasikan ke atas seluruh rakyat secara mandatori, maka akan membawa kepada kekacauan dan perpecahan di dalam negara. Beliau turut membidas ajaran Kong Zi sebagai suatu doktrin politik yang membela nasib dan kepentingan pemerintahan monarki mutlak dan sudah tidak sesuai dengan tuntutan zaman. Katanya:

Kong Zi telah dijadikan sandaran kepada pemerintahan diktatorial maharaja zaman silam. Perlombagaan pula seharusnya menjadi jaminan kepada hak kebebasan warganegara moden. Sekiranya kediktatoran tidak boleh diserasikan dengan kebebasan, maka Kong Zi tidak patut diwujudkan di dalam perlombagaan.⁹²

Mengikut pandangan Li Dazhao, sekiranya ajaran Konfusianisme dimaktubkan ke dalam perlombagaan, perlombagaan itu akan tersemai dengan benih autokrasi dan mengekang penyuaraan hasrat rakyat. Perlombagaan tersebut juga akan dimanipulasi oleh golongan yang

⁹² “Kong Zi yu xianfa” (*Kong Zi dan perlombagaan*), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 449.

berkepentingan untuk menghidupkan semula pemerintahan kediktatoran autokrasi. Dengan itu, jelas bahawa ajaran Konfusianisme patut dipinggirkan daripada kandungan perlembagaan.⁹³

Selepas tercetusnya Revolusi 1911, tokoh-tokoh semasa seperti Kang Youwei telah menubuhkan Persatuan Pengajian Konfusianisme (Kongjiaohui) dan mengemukakan permohonan untuk menetapkan ajaran Konfusianisme sebagai ajaran rasmi di dalam perlumbaan. Usaha tersebut telah dijalankan selama beberapa tahun dan diakhiri dengan kegagalan.⁹⁴ Tindakan itu merupakan sebahagian daripada kegiatan memulihkan sistem lama dan pengekalan pemikiran tradisional untuk mengekang kemaraan idea-idea moden selepas pembentukan sistem politik ala demokrasi.

Idea demokrasi berserta dengan sains telah menjadi propaganda yang paling penting dalam era Gerakan Empat Mei. Tetapi sebenarnya usaha pemupukan idea demokrasi mempunyai sejarah yang lebih panjang, sebelum menjelangnya Gerakan Empat Mei. Sememangnya ramai tokoh yang berfikiran reformatif telah mengkritik tindakan pemulihan sistem lama yang berteraskan ajaran Konfusianisme, sebagai satu kecenderungan yang akan mencacatkan pemupukan demokrasi di China. Justeru itu, satu arus anti-Konfusianisme yang diwakili elit-elit berpendidikan moden telah membangkit untuk mengkritik ajaran Konfusius. Antaranya, Chen Duxiu, Hu Shi dan kemudiannya Lu Xun telah menjadi tokoh penting dalam menentang pandangan-pandangan Konfusianisme yang tidak lagi sesuai dengan perkembangan zaman. Li Dazhao turut dilihat sebagai salah seorang tokoh yang penting pada peringkat awal arus anti-Konfusianisme tersebut.

Perlu diingatkan bahawa, semua individu yang tersebut di atas telah berkumpul di bawah penerbitan majalah *Pemuda Baru* (*Xinqingnian*) pada kemudian harinya. Malahan Li Dazhao, berserta dengan Chen Duxiu dan Hu Shi telah muncul sebagai tokoh yang paling

⁹³ Ibid..

⁹⁴ Chen Zhefu, Jiang Ronghai dan Wu Pi, *Ershi shiji Zhongguo Sixiangshi* (Sejarah Intelektual China pada abad kedua puluh), Jilid 1 (Jinan: Shandong Renmin Chubanshe, 2002), hlm 140.

terkemuka dan mempunyai pengaruh yang paling besar di kalangan editor-editor majalah tersebut.⁹⁵ Secara umumnya, golongan tersebut membidas Konfusianisme dengan penuh rasional. Mereka tidak menafikan kepentingan ajaran Konfusianisme secara emosional dan mempertikaikan sumbangannya Kong Zi secara membuta. Li Dazhao umpamanya, telah menyanjung tinggi daya inovasi yang ditunjukkan oleh Kong Zi, mahupun pengikut terulungnya Meng Zi dalam mencipta satu sistem politik yang sesuai dengan keperluan zamannya.⁹⁶ Maka, beliau menjelaskan bahawa tindakannya dalam mengkritik Kong Zi, sebenarnya bukan untuk mengkritik peribadi Kong Zi, tetapi mengkritik autoriti pemerintah-pemerintah monarki mutlak yang dibentuk oleh Kong Zi; iaitu bukan mengecam Kong Zi, tetapi mengecam roh bagi politik diktatorial. Li Dazhao sebenarnya bertujuan untuk menegah orang yang berkepentingan daripada memanipulasikan kandungan dalam ajaran Kong Zi yang tidak lagi memenuhi keperluan zaman untuk mencapai hasrat peribadi yang akan menghalang kemajuan seluruh rakyat China dalam pelaksanaan demokrasi.

Dalam satu kajian mengenai pendirian ketiga-tiga tokoh yang tersebut di atas terhadap tradisi negara China, didapati mereka telah membantah tradisi dengan kuat, cuma radikal atau sederhana yang membezakan tahap pembantahan mereka. Chen Duxiu didapati telah menunjukkan kecenderungan anti-tradisionalisme yang radikal, sementara Hu Shi pula membidas tradisi China sebagai kekurangan nilai humanisme, dengan pendirian yang lebih sederhana berlandaskan pegangan liberalismenya. Li Dazhao telah dilihat sebagai tokoh yang paling sederhana di antara ketiga-tiga individu tersebut disebabkan beliau tidak menafikan tradisi secara bulat-bulat seperti yang dilakukan oleh Chen Duxiu, malah beliau lebih

⁹⁵ Liu Demei, "Xinqingnian yu Xin Wenhua Yundong" (Vinqingnian dan Gerakan Kebudayaan Baru), dalam Zhang Yufa (penyunting), *Zhongguo Xiandaishi Lunji* (Koleksi Ulasan Sejarah Modern China), Jilid 6: *Wusi Yundong* (Gerakan Empat Mei) (Taipei: Lianjing Chuban Shiye Gongsi, 1981), hlm 490.

⁹⁶ "Minyi yu zhengzhi" (Hasrat rakyat dan politik), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 343.

sederhana daripada Hu Shi dengan tidak menolak tradisi China secara langsung, tetapi hanya mengkritik golongan autoriti yang menyalahgunakan ajaran Konfusianisme.⁹⁷

Di bawah arus anti-Konfusianisme tersebut, banyak pengkaji telah melihat kutukan ke atas order lama Konfusian selepas tahun 1915 yang dipimpin oleh pemikir-pemikir China yang radikal itu, sebagai instrumen yang penting untuk menyediakan laluan yang sesuai bagi penyebaran Marxisme di China.⁹⁸ Li Dazhao kemudiannya telah memperlihatkan kesinambungannya dengan menjadikan teori Marxisme, khususnya konsepsi materialisme sejarah sebagai instrumen untuk mengkritik kelemahan masyarakat tradisional China menerusi perspektif sejarah.

Li Dazhao percaya bahawa, terdapatnya kebenaran yang esa di dalam alam semesta ini. Kebenaran tersebut merupakan unsur induk yang sejati bagi alam semesta, dan tidak dimiliki oleh sesuatu individu atau agama yang tertentu.⁹⁹ Bagi Li Dazhao, kebenaran merupakan realiti obligasi sendiri yang secara logiknya diperoleh dalam identiti kendiri, ilmu pengetahuan dan nasib pengalaman peribadi. Maka, di mana diri kita berada, di situ beradanya kebenaran yang dicari.¹⁰⁰ Justeru itu, beliau sentiasa giat dalam mencari kebenaran hidup dan membentuk falsafah hidup yang dapat memberi harapan kepada China, tidak kira sama ada perjalanan usaha itu perlu mengatasi tekanan pihak autoriti atau kongkongan falsafah tradisional. Harapan yang sedemikian turut sering diserahkannya ke atas bahu golongan muda. Pembinaan China yang muda dengan harapan yang cerah sentiasa mendapat tempat utama dalam agenda penglibatan Li Dazhao dalam politik. Beliau merasa

⁹⁷ Liu Demei, "Xinqingnian yu Xin Wenhua Yundong" (*Xinqingnian* dan Gerakan Kebudayaan Baru), dalam Zhang Yuфа (penyunting), *Zhongguo Xiandaishi Lunji* (Koleksi Ulasan Sejarah Modern China), Jilid 6: *Wusi Yundong* (Gerakan Empat Mei), hlm 490-494.

⁹⁸ Antaranya, sila rujuk James P. Harrison, *The Communists and Chinese Peasant Rebellions: A study in the rewriting of Chinese History* (London: Victor Gollancz Ltd, 1970), hlm 26. Dalam membincangkan teori "perjuangan kelas" sebagai latar belakang sejarah dan teoretikal dalam historiografi China Komunis, Harrison telah cuba menghuraikan hubungan di antara Konfusianisme dan Marxisme di bahagian pengenalannya, dan mengatakan bahawa, "adalah sukar untuk diimaginationi bahawa terdapatnya dua lagi falsafah sejarah yang lebih saling bertentangan daripada kedua-dua falsafah Konfusianisme dan Marxisme ini." (hlm 3) Dengan itu, Harrison cuba menjelaskan perubahan yang muncul dalam penulisan historiografi China selepas pengadaptasian teori-teori Marxisme.

⁹⁹ "Zhenli" (Kebenaran), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 451.

¹⁰⁰ "Zhenli (2)" (Kebenaran {2}), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 452.

bahawa soal pembinaan semula negara adalah persoalan kemandirian bangsa. Beliau berpendapat kejayaan pembentukan maruah dan prestij China bergantung kepada kesedaran warga China dan kebangkitan semangat “Nasionalisme China Baru”.¹⁰¹ Li Dazhao berasa kesal dengan panggilan “lima kaum” walaupun selepas penubuhan republik. Namun, beliau percaya bahawa hala tuju kebudayaan kelima-lima kaum tersebut akan semakin menjurus ke arah yang sama secara beransur-ansur di bawah ambang republik yang bebas dan aman.

Li Dazhao banyak melakukan ikhtiar untuk memantapkan politik dan pentadbiran republik dari pelbagai aspek menerusi cadangan dalam penulisannya. Kedua-dua rencana dengan judul “Pengkritik politik dan ahli politik” (*Zhenglunjia yu zhengzhijia*) telah menghuraikan soal kemandirian intelektual; iaitu soal pilihan kerjaya dan penentuan masa depan golongan intelektual.¹⁰² Beliau cuba menerangkan bahawa kerjaya pengkritik politik dan ahli politik hanya agihan peranan yang berlainan dalam arena politik. Li Dazhao telah menggariskan tiga syarat untuk memunculkan diri seseorang baik sebagai pengkritik politik maupun ahli politik. Ilmu pengetahuan sebagai syarat pertama, keikhlasan sebagai syarat kedua, dan keberanian sebagai syarat ketiga untuk melayakkan diri seseorang dalam penglibatan arena politik yang sentiasa penuh dengan cabaran dan dugaan.¹⁰³ Beliau sedar akan keperluan semasa yang memerlukan pengkritik politik yang berkaliber sebagai kriteria yang wajib dalam gelagat politik moden dan pemerintahan demokrasi.

Pandangan Li Dazhao tersebut dilihat sebagai seruan seorang reformis untuk menyediakan masyarakat tanahairnya ke arah kehidupan demokrasi. Li Dazhao amat mengambil berat tentang kebebasan bersuara dalam persidangan parlimen berkat keyakinan kukuh terhadap pemerintahan demokrasi. Rencananya, “Suara di majlis perwakilan” (*Yihui zhi yanlun*) dan “Sahsiah warga negara berperlembagaan” (*Lixian guomin zhi xiuyang*)

¹⁰¹ “Xin Zhonghua minzu zhui” (Nasionalisme China Baru), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 493-495. Li Dazhao dalam menjelaskan maksud “Nasionalisme China Baru” menyatakan bahawa, penggubalan segala dasar politik dan perundangan hendaklah bertujuan untuk membentuk semangat bangsa dan menyatukan pemikiran bangsa Zhonghua (China). Inisiatif usaha ini boleh dirumuskan sebagai “Nasionalisme China Baru”.

¹⁰² “Zhenglunjia yu zhengzhijia” (Pengkritik politik dan ahli politik) (1) dan (2), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 510-512 dan 515-517.

¹⁰³ “Zhenglunjia yu zhengzhijia” (Pengkritik politik dan ahli politik) (2), *LDZQJ*, Jilid 2, hlm 516-517.

telah mengutarakan fenomena yang kurang bebas untuk menyuarakan pandangan di parlimen.

Di tengah-tengah tungkus-lumusnya Li Dazhao mengemukakan pandangannya ke atas sistem pemerintahan demokrasi republikan dan fungsi majlis perwakilan, majalah harian *Harimau* telah berhadapan dengan kebuntuan disebabkan himpitan kewangan dan desakan pergolakan politik. Zhang Xun, gabenor tentera dari Anhui telah mengarahkan tenteranya ke Beijing pada 7 Jun 1917. Tenteranya dengan pantas telah menguasai keadaan di Beijing dan memaksa Presiden Li Yuanhong untuk membubarkan parlimen. Pada 1 Julai 1917, Zhang Xun secara rasminya mengisyiharkan pemulihan kuasa pemerintahan monarki, dengan merestorasikan maharaja Manchu yang terakhir, Puyi ke atas takhta.¹⁰⁴ Penerbitan yang menyebarkan idea demokrasi menghadapi ancaman daripada pihak berkuasa. Demi keselamatan peribadi, Li Dazhao telah mlarikan diri ke Shanghai.

Pengkaji sejarah China moden yang terkenal, Lin Yü-sheng dalam huraiannya terhadap latar belakang dan asal-usul anti-tradisionalisme totalistik pada era Gerakan Empat Mei telah mengatakan bahawa, pemulihan kuasa pemerintahan monarki oleh Yuan Shikai dan Zhang Xun merupakan suatu penyalahgunaan ke atas tradisi China.¹⁰⁵ Lin melihat taktik-taktik yang digunakan oleh Yuan Shikai dalam mengejar kekuasaan sebagai cerminan ke atas keruntuhan moral di dalam masyarakat China. Sementara penyalahgunaan simbol Konfusianisme oleh Yuan Shikai itu telah menjarakkan golongan intelektual yang radikal daripada sistem nilai utama dalam tradisi China.¹⁰⁶ Semua kejadian itu telah membawa implikasi kepada intelektual yang radikal bahawa, nilai-nilai tradisional di dalam masyarakat China adalah terpesong daripada etika moral, tetapi kukuh dan sukar dikikis. Maka, bagi kebanyakan intelektual yang radikal, kecenderungan anti-tradisionalisme itu telah meletakkan

¹⁰⁴ Immanuel C. Y. Hsu, *The Rise of Modern China*, hlm 483. Walau bagaimanapun, gerakan restorasi itu telah berjaya dipatahkan dalam masa duabelas hari. Namun, ini juga membawa kepada kekacauan politik dan autokrasi pemerintahan hulubalang tentera yang lebih tenat.

¹⁰⁵ Sila rujuk Lin Yü-sheng, *The Crisis of Chinese Consciousness: Radical Antitraditionalism in the May Fourth Era* (Madison: University of Wisconsin Press, 1979), hlm 19-25.

¹⁰⁶ Ibid., hlm 24-25.

penolakan secara total ke atas tradisi China sebagai matlamat utama dalam usaha reformasi yang seterusnya.

Sejajar dengan perkembangan sosio-politik China, Li Dazhao telah melalui beberapa peringkat perkembangan pemikiran dan keintelektualan dalam menyahut cabaran pembaharuan negara China pada dua dekad paling awal dalam kurun keduapuluh. Dapat dilihat bahawa semenjak zaman pendidikan Li Dazhao di Tianjin, beliau telah giat memperjuangkan politik yang demokratik dan populis dengan menegakkan hak masyarakat massa. Usaha perjuangan reformasi politiknya penuh dengan semangat idealistik dan patriotik. Kecenderungan tersebut ketara terutamanya semasa penjelajahannya di Jepun yang mana telah diberi pendedahan mengenai teori-teori politik dari Barat, yang membolehkan Li Dazhao memperjuangkan pelaksanaan politik demokrasi di tanahairnya menerusi perspektif akademik. Pergolakan politik dan tindakan imperialisme Jepun di atas Tanah Besar China telah menyemarakkan usahanya dalam menyebarkan “kesedaran sosial” yang menunjukkan semangat patriotik yang ketara.

Dalam tempoh awal ini, Li Dazhao kelihatan sebagai seorang reformis yang menegakkan demokrasi, dengan berkecenderungan kepada penyelesaian secara reformatif yang penuh dengan semangat patriotisme dan nasionalisme yang kuat. Konsep “negara-bangsa” berserta dengan soal kedaulatan wilayah dan kemerdekaan rakyat membentuk tunggak dalam usaha reformasi politik demokrasi republikan dalam pada Li Dazhao. Di dalam arus anti-tradisionalisme yang tersebut di atas, bukan sahaja memperlihatkan Li Dazhao berbangkit untuk membidas pihak-pihak yang memanipulasikan ajaran Konfusius, tetapi juga memperlihatkan Li Dazhao dalam melakukan cubaan untuk mengadaptasikan idea-idea Barat untuk tujuan pembaharuan China secara lebih radikal dan agresif, dalam era-era yang kemudiannya.